

DUA PERSATUAN BELUM MULA LATIHAN SUKAN SEA

## MSN adakan perbincangan

20 APR 1960 B. Meran (M)

MAJLIS Sukan Negara (MSN) akan mengadakan perbincangan dengan dua persatuan sukan kebangsaan yang belum memulakan rancangan latihan Sukan SEA, walaupun peruntukan latihan diluluskan Januari lalu, iaitu ZAINAL ABIDIN SHAMSUDDIN.

Kedua-dua persatuan terbabit ialah Persekutuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) dan Persekutuan Silat Olahraga Malaysia (Pesaka).

Pengurus Kemajuan Sukan Majlis Sukan Negara (MSN), Ho Koh Chye, berkata pihaknya akan menemui kedua-dua persatuan sukan brekkaan secepat mungkin untuk mengetahui masalah yang mereka dihadapi.

"Sekurang-kurangnya pertemuan yang diatur nanti dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kedua-dua persatuan sukan kebangsaan terbabit di samping mencari jalan penyelesaian untuk mengatasinya," jelas Koh Chye.

Sebelum ini, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan semua persatuan sukan kebangsaan memulakan program latihan mereka sebaik sahaja peruntukan latihan diluluskan.

Selain itu, sewaktu peruntukan latihan diluluskan, semua persatuan sukan kebangsaan turut melantik pengurus dan jurulatih untuk program selama dua tahun sebagai persediaan menghadapi Sukan SEA di Kuala Lumpur tahun depan.

PSM sepatutnya memulakan latihan persiapan pada Februari lalu manakala Pesaka awal bulan ini.

Sementara itu, MSN juga masih menunggu laporan balas beberapa persatuan kebangsaan seperti golf, judo, memanah dan lawan pedang berhubung dengan jadual latihan sejak persatuan-persatuan terbabit disenaraikan untuk Sukan SEA pada 10 April lalu.



■ HO KOH CHYE